

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
 DI-TERBITKAN PADA TIAP² HARI RABU

TAHUN 11 BILANGAN 43 RABU 26 Oktober, 1966. 1386 رابو 11 رجب PERCHUMA

MAJLIS SANTAP BERSARAPAN ANJORAN PENGHULU2 DAN KETUA2 KAMPONG

BANDAR BRUNEI.
 — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah berchemar Duli ka-Majlis Santap Bersarapan di-Dewan Madrasah, Jabatan Hal Ehwal Uga-ma Negeri Brunei pada malam 20 Oktober, 1966

Majlis Santap Bersarapan itu di-adakan di-bawah anjoran Penghulu2 dan Ketua2 Kampong di-Daerah Brunei dan Muara sa-bagai menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Sa-lepas di-adakan Santap Bersarapan itu, Awang Johari bin Abdul Razak, Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, selaku Setia Usaha majlis itu, telah membacha Uchapan caripada Pengerusi Majlis itu Yang Berhormat Awang Haji Halus bin Abdul Sa-mad.

Kemudian Penghulu2 dan Ketua2 Kampong di-Dae-rah Brunei dan Muara telah menyembahkan Chen-deramata kabawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Sa-baik sahaja selesai achara tersebut majlis itu telah menjunjong Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan untok memberi Ti-tah Uchapan.

Majlis itu di-akhiri de-ngan Bachaan Do'a Se-la-mat oleh Pemangku Kadhi Besar Negeri Brunei, Yang Mulia Awang Haji Md. Zain bin Haji Seruddin.



D.Y.M.M. Maulana Al-Sul-tan, Sir Omar Ali Saifud-din kelihatan dalam gam-bar ini pada masa Baginda berchemar Duli ka-Majlis

Santap Bersarapan Sambu-tan Hari Keputeraan D.Y.M.M. Maulana Al-Sul-tan anjoran Penghulu2 dan

Ketua2 Kampong di-Dae-rah Brunei dan Muara di-Dewan Madrasah, Bandar Brunei pada malam 20 Ok-tober, 1966.



Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Johari bin Abdul Razak, selaku Setia Usaha Majlis Santap Bersarapan anjoran

Penghulu2 dan Ketua2 Kampong di-Daerah Bru-nei dan Muara bagi men-yambut Hari Keputeraan D.Y.M.M. Maulana Al-Sul-

tan kelihatan sedang ber-uchap di-majlis tersebut di-Dewan Madrasah, Ban-dar Brunei pada malam Juma'at yang lalu.

Ranchangan Mari Ketawa Anjoran Radio Brunei

BANDAR BRUNEI. — Satu Pertandingan Lawak Jenaka akan di-adakan oleh Radio Brunei, Bahagian Melayu dalam RANCHANGAN MARI KETAWA sedikit hari lagi.

Ranchangan tersebut akan di-siarkan sa-bagai salah satu daripada acara2 dalam ranchangan menyambut Hari Raya Idulfitri.

Chalon2 atau pasokan2 yang berhajat hendak mengambil bahagian dalam Peraduan Lawak Jenaka itu ada-lah di-peringatkan bahawa tarikh penutup untuk masuk bertanding ia-lah tidak lewat dari hari Sabtu 29 Oktober, 1966 jam empat petang.

Pertandingan Pemilihan akan di-adakan di-Studio Radio Brunei. Pasokan2 yang mendapat gelaran2 Johan, Naib Johan dan Ketiga dalam pertandingan itu akan di-pilih untuk mengambil bahagian dalam Pertandingan Akhir.

Sharat2 bagi memasoki Pertandingan Lawak Jenaka itu ada-lah seperti berikut:

1. Pertandingan ini adalah terbuka kepada orang ramai lelaki atau wanita, atau champoran lelaki dan wanita kepada peringkat orang dewasa.
2. Tiap2 pasokan tidak lebih dari tiga orang.
3. Ada-lah di-kehendak2i tiap2 pasokan membawa-

kan cerita yang bertema-kan atau bersuasanakan HARI RAYA IDILFITRI.

4. Masa yang di-hadkan bagi tiap2 pasokan untuk "bercheloteh" tidak lebih dari 15 minit.

5. Tiap2 chalon (pasokan) mesti-lah mengisikan borang yang di-sediakan oleh Radio Brunei dan dalam masa pertandingan nanti, di-bolehkan menggunakan nama samaran masing2.

6. Radio Brunei tidak menyediakan keinderaan untuk mengambil atau menghantar chalon2 (pasokan) yang masuk bertanding, baik dalam masa pemilihan di-studio, mau pun dalam masa pertandingan akhir di-adakan.

7. Tiap2 chalon (pasokan) mesti-lah mengikut dan patoh akan sharat2 atau peraturan2 yang diberikan oleh pihak Radio Brunei. Keputusan dari para pengadil dalam pertandingan ini ada-lah muktamad.

Pasokan yang berjaya menyandang gelaran2 Johan, Naib Johan dan Ketiga akan di-beri hadiah berupa wang tunai.

Pertandingan Akhir dalam bahagian ini ada-lah di-jangka akan di-adakan dalam masa PERTANDINGAN BINTANG RADIO BRUNEI TAHUN 1967 bagi Peringkat Daerah Brunei yang akan di-adakan tidak berapa lama lagi.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong Mulai hari Rabu 26 Oktober hingga ka-hari Selasa 1 November, 1966 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Matahari		
					Imsak	Suboh	Terbit
26 Oktober	12.10	3.28	6.09	7.23	4.33	4.48	6.05
27 Oktober	12.10	3.28	6.09	7.23	4.33	4.48	6.05
28 Oktober	12.10	3.28	6.09	7.23	4.33	4.48	6.05
29 Oktober	12.10	3.28	6.09	7.23	4.33	4.48	6.05
30 Oktober	12.10	3.28	6.09	7.23	4.33	4.48	6.05
31 Oktober	12.10	3.28	6.09	7.23	4.33	4.48	6.05
1 November	12.10	3.28	6.07	7.21	4.33	4.48	6.05

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

BERKHIDMAT-LAH DENGAN ASKAR MELAYU DI-RAJA BRUNEI

PENGAMBILAN rekrut2 yang akan datang untuk Askar Melayu Di-Raja Brunei akan memulakan latehan mereka pada 18 Januari, 1967. Pemohon2 ada-lah di-jemput memohon untuk berkhidmat dalam Pasokan A.M.D.B.

Pasokan pengambilan orang2 baru untuk berkhidmat dengan Askar Melayu Di-Raja Brunei akan melawat ka-Bangar, Temburong; Bandar Brunei dan Kuala Belait untuk bertemu duga dan menjalankan peperiksaan perubatan seperti berikut:

BANGAR: Di-Perkhemahan A.M.D.B. — Hari Khamis 3 November mulai 8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari.

BANDAR BRUNEI: Di-Dewan Kemasyarakatan —

(a) Hari Isnin 14 November mulai 8.15 pagi hingga 12.15 tengah hari dan 2.15 petang hingga 4 petang. (b) Hari Rabu 23 November mulai 8.15 pagi hingga 12.15 tengah hari dan 2.15 petang hingga 4 petang.

KUALA BELAIT: Di-Bilik Bachan Jabatan Penyiaran dan Penerangan mulai 8.15 pagi hingga 12.15 tengah hari dan 2.15 petang hingga 4 petang 17 Nov.

**PEMBAYARAN GAJI
ADA-LAH BAIK**

Pemohon2 mesti-lah di-antara umur 18 dan 25 tahun dan tidak kurang dari 5 kaki tinggi. Mereka mesti-lah rayat Brunei dan lazimnya di-terima sa-bagai Bangsa Melayu. Susunan pembayaran gaji ada-lah baik dan pasokan pengambilan orang2 baru boleh menjawab pertanyaan2 berkenaan dengan gaji atau sharat2 perkhidmatan. Sa-siapa yang ingin masuk berkhidmat dalam Pasokan A.M.D.B. atau mendapat tahu lagi berkenaan dengan perkara ini mesti-lah berjumpa dengan Pasokan Pengambilan orang2 baru di-tempat2 tersebut. Pertanyaan2 ada-lah di-persilakan.

Sa-siapa yang ingin masuk berkhidmat dalam Pasokan A.M.D.B., tetapi tidak dapat hadir di-tempat2 yang di-sebutkan, ia ada-lah di-minta menulis surat kepada Pegawai Pemerintah Kompeni Latehan Askar Melayu Di-Raja Brunei, Perkhemahan Berakas, Brunei.

**PEJABAT
PERJAWATAN
BERPINDAH**

BANDAR BRUNEI: — Pejabat Perjawatan telah berpindah buat sementara waktu ka-tingkat tiga, Bangunan Pejabat Hal Ehwal Umma Negeri Brunei mulai dari 11 Oktober, 1966.



Murid2 Sekolah Melayu Sungai Liang kelihatan memersebahkan "Tarian Saging" di-temasha

lam Aneka Warna yang telah di-adakan di-Sungai Liang di-bawah anjoran Persatuan Pemuda Pemuda Mu-

kim Liang sa-bagai menyambut Hari Keputeraan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan baru2 ini.

Upachara Penyampaian Perisai Kedatangan Kurniaan D.Y.M.M. Kapada S.M. Puduk

PUDAK. — Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Haji Md. Salleh, selaku Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, akan menyampaikan Perisai Kedatangan kurniaan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan kapada Sekolah Melayu Puduk pada petang hari Ahad 30 Oktober, 1966.

Sekolah Melayu Puduk telah berjaya menjadi Johan dalam hal ehwal kedatangan antara Sekolah2 Melayu dalam Bahagian Brunei III dalam tahun 1965.

Menurut jadual Majlis Penyampaian Perisai Kedatangan kurniaan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan kapada sekolah tersebut, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Haji Md.

Salleh dan rombongan, dijadualkan tiba di-Jambatan Sekolah Melayu Puduk pada jam 2 petang hari Ahad hadapan dan di-sambut oleh Jawatan Kuasa Sekolah itu.

Uchapan2 akan di-sampaikan di-majlis itu oleh Guru Besar Sekolah Melayu Puduk; Wakil Ketua Kampong; Wakil Jabatan Pelajaran dan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Haji Md. Salleh.

Sa-lepas itu akan di-laksanakan Upachara Penyampaian Perisai Kedatangan kurniaan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan kapada sekolah tersebut.

Sa-baik sahaja selesai upacara tersebut, akan di-adakan upacara Penyampaian Chenderamata Kenang2an dari murid2 sekolah dan penduduk2 kampong kapada Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

*Gunakan-lah
Bahasa Melayu*



GAMBAR ATAS: Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha selaku Wakil Peribadi kebawah D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan kelihatan memberi ucapan sebelum menyampaikan Perisai Kedatangan Kurniaan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan kapada Sekolah Melayu Bukit Panggal yang telah menjadi Johan dalam hal ehwal kedatangan antara Sekolah2 Melayu Bahagian Tutong 1 dalam tahun 1965 bertempat di-sekolah itu pada 16 Oktober, 1966.

GAMBAR BAWAH: Gambar ramai ini di-ambil di-halaman Sekolah Melayu Puni pada 16 Oktober, 1966 ia-itu sa-lepas Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara, selaku Wakil Peribadi kebawah D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan menyampaikan Perisai Kedatangan kurniaan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan kapada Sekolah Melayu Puni, Johan Kedatangan antara Sekolah2 Melayu Bahagian Temburong dalam tahun 1965.

SERAMAI kira-kira 40 orang Pegawai2 dan ahli2 Persatuan Peladang Kampong Gana, Sungai Liang telah melawat ka-Pusat Pertanian Kilanas pada 17 Oktober, 1966. Gambar ini di-ambil pada masa lawatan rombongan tersebut ka-Pusat Pertanian Kilanas.

Perisai2 Kedatangan Kurniaan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan Menggalakkan Murid2 Rajin Belajar Di-Sekolah

UPACHARA2 Penyampaian Perisai2 Kedatangan kurniaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Raja Isteri bagi tahun 1965 telah di-adakan di-beberapa buah Sekolah Melayu di-Negeri Brunei pada 16 Oktober dan 23 Oktober yang lalu.

Pada hari2 tersebut, Sekolah2 Melayu yang berjaya memperolehi Perisai2 Kedatangan itu telah mengadakan berbagai2 achara yang meriah untuk menyambut keberangkatan Wakil2 Peribadi kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan ka-sekolah2 yang berkenaan itu.

Majlis2 Penyampaian Perisai2 Kedatangan kurniaan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan akan di-adakan di-Sekolah Melayu Puduk dan di-Sekolah Melayu Melilas pada hari Ahad hadapan.

Y. T. M. Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara telah berangkat ka-Temburong untuk menyampaikan Perisai Kedatangan tersebut kepada Sekolah Melayu Puni, Johan Sekolah2 Melayu Bahagian Temburong, pada 16 Oktober dan kepada Sekolah Melayu Kiarong, Johan Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei II pada 23 Oktober.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha pula telah berangkat ka-Sekolah Menengah Melayu Pertama, Bandar Brunei pada pagi 16 Oktober untuk menyampaikan Perisai Kedatangan Kurniaan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan kepada Tahun 11 D, Sekolah Melayu S.M.J.A. (S.M.M.P.) Johan antara Darjah2 di-Sekolah itu pada tahun 1965 dan juga Perisai Kedatangan kurniaan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Raja Isteri kepada Sekolah Melayu Sungai Kebun, Johan Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei I. Pada petang hari tersebut, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha telah menyampaikan Perisai Kedatangan kurniaan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan kepada Sekolah Melayu Bukit Panggal, Johan Sekolah2 Melayu Bahagian Tutong I.

Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Haji Mohamed pula telah menyampaikan Perisai Kedatangan kurniaan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan kepada Sekolah Melayu Panchong, Johan Sekolah2 Melayu Bahagian Tutong II pada 23 Oktober. Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra di-jangka menyampaikan Perisai Kedatangan kurniaan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan kepada Sekolah Melayu Melilas, Johan Sekolah2 Melayu Bahagian Belait pada 30 Oktober.

Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Haji Mohamed Salleh akan berangkat ka-Sekolah Melayu Puduk pada 30 Oktober untuk menyampaikan Perisai Kedatangan kurniaan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan kepada Sekolah itu yang telah berjaya menjadi Johan dalam hal ehwal kedatangan antara Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei III pada tahun lalu.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah mengurniakan Perisai2 Kedatangan tersebut samenjak beberapa tahun yang lalu, ia-lah untuk menggalakkan murid2 datang belajar dengan rajin di-sekolah masing2.

Sa-belum dari itu, di-dapati kedatangan murid2 di-Sekolah2 Melayu di-negeri ini tidak-lah memuaskan dan dengan ada-nya peraduan untuk merebutkan Perisai Kedatangan kurniaan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan antara Sekolah2 Melayu dalam tiap2 Bahagian Persekolahan, maka dapat-lah Guru2 menyempurnakan tugas mereka untuk memberikan pendidikan yang sempurna, menurut Sukatan Pelajaran, kepada murid2 di-sekolah mereka. Demikian kata sa-orang Pegawai Kanan Jabatan Pelajaran, Brunei.

Mudah2an, dengan ada-nya peraduan sa-demi-kian, maka kedatangan murid2 di-Sekolah2 Melayu di-seluruh negara akan bertambah2 baik pada tahun2 yang akan datang kelak.



Awang Abdul Wahab Mohammad



Dg. Rokayah dan Aw. Abdul Hamid berpadu suara.



Bintang kechil 'Kamal Nordin.'

DUA BER DALAM BINTA DAERA

LAPANGAN seni dewasa ini sa-sungguh kian berkembang maju dan nya juga merupakan satu beberapa cabang seni mempunyai nilai2 seni tersendiri.

Bahagian Melayu R Brunei telah menunjukk khidmatan yang wajar memperjuangkan dan m gikan mutu seni suara d ngan pemuda pemudi ini dengan mengadakan duan2 Bintang Radio tahun 1960.

Sejak dari waktu it mang sudah menjadi taan bahawa mutu sen di-kalangan pemuda kita dewasa ini telah kan mempunyai nilai2 boleh juga di-banggakan

Dalam peraduan Radio perengkat Daerah Tutong d lalu nampak jelas juan2-nya. Peser mengambil bahag nunjukkan bakat ngan bersungguh mereka bernyany chara mereka yan

Rokayah Idris jadi johan bahag naib johan asli ta lah berjaya menj



Wakil2 Tutong Bintang Radio Idris, Shamsu

AK BERJAYA ERADUAN RADIO TUTONG

m bahagian2 asli dan langgam tahun ini. Aw. Shamsudin Idris, abang Dayang Rokayah telah menunjukkan kehendakannya tahun ini dengan menggondol johan bahagian asli dan naib johan bahagian langgam.

Awang Abdul Hamid Udin, naib johan bahagian langgam tahun lalu telah berjaya mendapat gelaran johan bahagian langgam dan naib johan bahagian asli, sementara Dayang Saerah Salleh telah berjaya mendapat gelaran naib johan asli dan langgam.

Maka dalam peraduan peringkat negeri tahun ini Dayang Rokayah, Dayang Saerah, Awang Shamsudin dan Awang Abdul Hamid akan tampil sebagai wakil daerah Tutong.

Di-samping peraduan Bintang Radio itu, penerbit ranchangan tersebut Awang Abdul Wahab Mohammad pada malam itu juga telah mengadakan ranchangan 'teka irama dan duga akal' yang tidak sahara langsung telah memunculkan Kamal Nordin sebagai bintang kecil yang berbakat dalam seni suara.

Kamal Nordin mempunyai harapan baik jika ia diberikan galakan.




Antara penuntun2, termasuk-lah Pegawai Daerah Tutong Pengiran Osman bin Pengiran Anak Mohd. Salleh dan isteri beliau. Pengiran Osman juga telah merasmikan pembukaan peraduan tersebut sambil memberi ucapan nasehat kepada peserta2 dalam memupok bakat masing2.



Dayang Rokayah menerima piala kemenangan-nya dari isteri Pegawai Daerah Tutong. Dalam gambar ini juga kelihatan Dayangku Intan, pembantu penerbit Bintang Radio 1967.



Peringkat negeri bagi merebut gelaran Dayang Saerah Salleh, Rokayah dan Abdul Hamid Udin.



Pencharagam Enam Sa-kawan yang di-ketuai oleh Awang Idris Mohammad telah mengiringi peraduan tersebut. Pencharagam ini juga akan mengiringi peraduan2 sa-hingga peringkat negeri.

Perlawanan Sepak Raga Jaring Antara Sekolah² Menengah dan Maktab²

—Oleh Awang Md. Husain bin Zainal—

Perlawanan² Pemilihan Sepak Raga Jaring antara Sekolah² Menengah dan Maktab² Negeri Brunei atas anjoran Jabatan Pelajaran, Brunei bagi tiap² daerah telah di-jalankan serempak pada 12 Oktober, 1966, seperti berikut:

(a) Bahagian Belait dan Tutong bertempat di-gelanggang Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin Keputusan nya: Johan Pasokan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim Tutong, Naib Johan Pasokan Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin, Belait.

(b) Bahagian Brunei dan Temburong bertempat di-gelanggang Dewan Maktab SOAS, Bandar Brunei, Keputusan-nya Johan Pasokan Maktab SOAS, Naib Johan:- Pasokan Sekolah Menengah Melayu Pertama, Bandar Brunei.

Perlawanan Peringkat Negeri telah di-langsungkan pada 16 Oktober, 1966 bertempat di-gelanggang Dewan Maktab SOAS, Bandar Brunei.

KEPUTUSAN PERLAWANAN

(a) Peringkat sa-tengah akhir:

(i) Pasokan Sekolah Menengah Melayu Pertama berlawan dengan Pasokan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong, Keputusan-nya di-menangi oleh Pasokan Sekolah Menengah Melayu Pertama, Brunei dengan 15/8 dan 15/10 mata.

(ii) Pasokan Maktab SOAS, berlawan dengan Pasokan Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin, Keputusan-nya di-menangi oleh Pasokan Maktab SOAS, dengan 15/9 dan 15/5 mata.

(b) Peringkat Akhir: Antara Pasokan Maktab SOAS, dengan Pasokan Sekolah Menengah Melayu Pertama, Keputusan-nya di-menangi oleh Pasokan Maktab SOAS, dengan 15/17, 15/8, 15/3, mata.

Maka dengan keputusan² perlawanan pada petang itu Pasokan Maktab SOAS, Bandar Brunei telah menjadi Johan Sepak Raga Jaring antara Sekolah² Menengah dan Maktab sa-Negeri Brunei bagi tahun 1966, Yang menjadi Naib Johan pula ia-lah Pasokan Sekolah Menengah Melayu Pertama, Bandar Brunei.

Hadiah rebutan dalam perlawanan ini ia-lah Piala Awang Suni bin Haji Idris, Nadzir Negara Sekolah² Negeri Brunei.

Hadiah² kemenangan dan hadiah rebutan telah di-sampaikan oleh Awang

Abdi Manaf bin P.H.A. Bakar, Penyusun Pendidikan Jasmani Sekolah² Negeri Brunei kepada Pasokan yang berjaya.

BOLA SEPAK

Perlawanan Bola Sepak antara Persatuan², Kelab² dan Persekolahan² bagi daerah Brunei dan Temburong kerana Sambutan Perayaan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Yang Ke-50 atas anjoran Persatuan Bola Sepak Daerah Brunei yang di-jalankan baru² ini ada-lah seperti berikut:—

(a) PADA 14 OKTOBER, 1966: Perlawanan Kumpulan "A" antara Pasokan Pulis Di-Raja Brunei, dengan Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei "B", Keputusan-nya Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei "B" menang dengan 7 gol berbalas 2.

(b) PADA 15 OKTOBER, 1966: Perlawanan Kumpulan "B" antara pasokan Maktab Perguruan Melayu Brunei dengan Pasokan 51 Brig. British other Rank Keputusan-nya Pasokan 51 Brig. British other Rank menang dengan 5 gol tidak berbalas.

(c) PADA 13 OKTOBER, 1966: Perlawanan Kumpulan "D" antara Pasokan Brunei Sports Club dengan Pasokan Sungai Kedayan, Keputusan-nya Pasokan Brunei Sports Club menang dengan 4 gol berbalas 2.

Perlawanan Bola Sepak antara Sekolah² dan Maktab² Negeri Brunei atas anjoran Jabatan Pelajaran Brunei, ada-lah satu daripada projek tahunan Jabatan Pelajaran Brunei dalam bahagian Pendidikan Jasmani.

Perlawanan di-bahagikan kepada 3 kumpulan ia-itu:—

(a) Kumpulan "C": tingkatan umur 16 tahun ke-atas.

(b) Kumpulan "B": tingkatan umur 15 dan 14 tahun.

(c) Kumpulan "A": tingkatan umur 13 tahun ke-bawah dan tinggi badan tidak lebih 4 kaki 8 inchi.

Perlawanan² Bola Sepak Peringkat daerah, ia-itu memilih wakil dari tiap² daerah untuk masuk ke-pertandingan peringkat negeri telah mula di-jalankan baru² ini.

BAHAGIAN TEMBURONG
Semua perlawanan di-adakan dengan chara kalah mati (Knock-out).

(a) PADA 14 OKTOBER,

1966: Dua perlawanan Kumpulan "A" di-jalankan serempak bertempat di-Padang Sekolah Melayu Biang.

(i) Antara Pasokan Sekolah Melayu Amo dengan Pasokan Sekolah Melayu Belingos. Keputusan-nya Pasokan Amo menang dengan 2 gol tidak berbalas.

(ii) Antara Pasokan Sekolah Melayu Biang dengan Pasokan Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar, Keputusan-nya Pasokan Sekolah Melayu Sultan Hasan, Bangar menang dengan 3 gol tidak berbalas.

(b) PADA 11 OKTOBER, 1966: Dua perlawanan di-jalankan serempak ia-itu:—

(i) Kumpulan "A": Antara Pasokan Sekolah Melayu Belais dengan Pasokan Sekolah Melayu Puni bertempat di-padang Sekolah Melayu Puni, Keputusan-nya Pasokan Sekolah Melayu Belais menang dengan 9 gol tidak berbalas.

(ii) Kumpulan "B": Antara Pasokan Sekolah Melayu Sultan Hasan, Bangar dengan Pasokan Sekolah Melayu Biang bertempat di-padang Bangar, Keputusan-nya Pasokan Sekolah Melayu Sultan Hasan menang dengan 5 gol tidak bebalas.

(c) PADA 12 OKTOBER, 1966: Dua perlawanan di-jalankan serempak ia-itu:—

(i) Kumpulan "A": Antara Pasokan Sekolah Melayu Plasau² dengan Pasokan Sekolah Melayu Senukoh bertempat di-padang Sekolah Melayu Senukoh, Keputusan-nya Pasokan Sekolah Melayu Plasau² menang dengan 2 gol berbalas 1.

(ii) Kumpulan "C": Antara Pasokan Sekolah Melayu Kinua dengan Pasokan Sekolah Melayu Sultan Hasan, Bangar bertempat di-Padang Bangar. Keputusan-nya Pasokan Sekolah Melayu Sultan Hasan, Bangar menang dengan 11 gol tidak berbalas.

(d) PADA 13 OKTOBER, 1966: Tiga perlawanan kumpulan "A" di-jalankan serempak ia-itu:—

(i) Antara Pasokan Sekolah Melayu Sultan Hashim Batu Apoi bertempat di-Padang Labu Estate. Keputusan-nya Pasokan Sekolah Melayu Labu Estate menang dengan kemenangan tendangan sudut sahaja.

(ii) Antara Pasokan Sekolah Melayu Bokok dengan Pasokan Sekolah Melayu Belais bertempat di-Padang Bokok, Keputusan-nya Pasokan Sekolah Melayu Be-

lais menang dengan 3 gol berbalas 1.

(iii) Antara Pasokan Sekolah Melayu Amo dengan Pasokan Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar bertempat di-Padang Bangar, Keputusan-nya Pasokan Sekolah Melayu Sultan Hasan, Bangar menang dengan 2 gol tidak berbalas.

BAHAGIAN BRUNEI III.
Semua perlawanan di-jalankan dengan chara kalah mati.

(a) PADA 10 OKTOBER, 1966: Tiga perlawanan Kumpulan "A" di-jalankan serempak ia-itu:—

(i) Pasokan Sekolah Melayu Menunggol berlawan dengan Pasokan Sekolah Melayu Sultan Abd. Mobin Sungai Besar bertempat di-Padang Pulau Baru-Baru, Keputusan-nya Pasokan Sekolah Melayu Menunggol menang dengan 7 gol tidak berbalas.

(ii) Pasokan Sekolah Melayu Pudak berlawan dengan Pasokan Sekolah Melayu Pulau Baru-Baru bertempat di-padang Pulau Baru², Keputusan-nya Pasokan Sekolah Melayu Pulau Baru² menang dengan 4 gol tidak berbalas.

(iii) Pasokan Sekolah Melayu Pangkalan Batu berlawan dengan Pasokan Sekolah Melayu Panchor Murai bertempat di-Padang Sekolah Melayu Pangkalan Batu. Keputusan-nya Pasokan Sekolah Melayu Pangkalan Batu menang dengan 5 gol tidak berbalas.

(b) PADA 11 OKTOBER, 1966: Dua perlawanan kumpulan "A" di-jalankan serempak ia-itu:

S.M. KASAT MENANG 16 GOL TIDAK BERBALAS

(i) Antara Pasokan Sekolah Melayu Putat dengan Pasokan Sekolah Melayu Kasat bertempat di-Padang Kasat, Keputusan-nya Pasokan Sekolah Melayu Kasat menang dengan 16 gol tidak berbalas.

(ii) Antara Pasokan Sekolah Melayu Limau Manis dengan Pasokan Sekolah Melayu Masin bertempat di-Padang Pangkalan Batu, Keputusan-nya Pasokan Sekolah Melayu Limau Manis menang dengan 1 gol tidak berbalas.

(c) PADA 12 OKTOBER, 1966: Tiga perlawanan di-jalankan serempak ia-itu:—

(i) Kumpulan "A": Antara Pasokan Sekolah Melayu Pulau Berbunut dengan Pasokan Sekolah Melayu Menunggol bertempat di-Padang Pulau Baru², Keputusan Sekolah Melayu Me-

LIHAT MUKA 7

KLAB ROTARY BANDAR BRUNEI BANTU MANGSA BANJIR

BANDAR BRUNEI. — Pegawai2 dan ahli2 Klab Rotary Antara Bangsa Bandar Brunei telah mendermakan wang sa-banyak \$200 kepada Tabong Derma Mangsa Banjir Sungai Mekong, Thailand.

JURUIRING BARU KAPADA D.Y.M.M. MAULANA AL-SULTAN

BANDAR BRUNEI. — Major S.P. Butterell, Pegawai Pentadbiran Askar Melayu Di-Raja Brunei telah di-lantik menjadi Juruiring kapada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin.

Major Butterell telah menggantikan Kapitan Bruce Duncan dari Askar Melayu Di-Raja Brunei, Juruiring kapada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, yang telah balek ka-England sa-lepas tamat perkhidmatan beliau di-Negeri Brunei.

Banjir itu telah berlaku baru2 ini dengan menyebabkan beribu2 orang yang tinggal di-kawasan2 berhampiran Sungai Mekong itu kehilangan rumah-tangga serta harta-benda mereka dan sa-bagai-nya.

Derma tersebut telah diperolehi dalam Majlis Perjumpaan Mingguan Klab Rotary Antara Bangsa, Bandar Brunei pada tengah hari Khamis 20 Oktober, 1966.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin Naib Yang Dipertua Pertama, klab tersebut telah memimpin majlis itu sa-bagai mengantikan Awang G.V. de Freitas, Yang Dipertua klab itu yang pada masa ini berada di-luar negeri.

Derma itu telah di-jalakan sa-lepas Klab Rotary Antara Bangsa Bandar Brunei menerima rayuan daripada Klab Rotary Antara Bangsa, Bangkok meminta Klab Rotary Antara Bangsa, Bandar Brunei membantu

Tabong Derma Mangsa Banjir Sungai Mekong.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin, dalam ucapan beliau sa-lepas di-jalakan pungutan derma tersebut, telah mengucapkan beranyak2 terima kasih kepada Pegawai2 dan ahli2 Klab Rotary Antara Bangsa, Bandar Brunei terhadap derma mereka untuk membantu mangsa2 banjir Sungai Mekong itu.

CAPT. DUNCAN BALEK KA-ENGLAND

BERAKAS. — Capt. B.A. Duncan, sa-orang Pegawai Askar Melayu Di-Raja Brunei telah bertolak dari Brunei ka-Singapura pada 17 Oktober dalam perjalanannya balek ka-England, selepas berkhidmat lebeh dua tahun di-negeri ini.

Capt. Duncan tiba di-Brunei dalam bulan Mei 1964. Sa-masa berkhidmat dengan Askar Melayu Di-Raja Brunei, beliau juga menjadi juruiring kapada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin.

Capt. Duncan telah dikurniakan Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia — Darjah yang ketiga dalam tahun 1965, dan Darjah Paduka Seri Laila Jasa—Darjah ketiga tahun ini.

BALEK DARI MALAYA

BERAKAS.—Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin telah berangkat ka-Kuala Lumpur dengan kapal terbang pada 12 Oktober dan telah balek ka-Brunei pada minggu yang lalu.

Pepereksaan Trengkas dan Menaip

BANDAR BRUNEI. — Pepereksaan Trengkas dan Menaip Tahun 1966 anjoran Trengkas Melayu Institute (Malaysia) dan di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran Brunei akan di-adakan pada 4 Disember, 1966.

Masa pepereksaan itu ialah: Pepereksaan Trengkas —mulai jam 2 petang. Pepereksaan Menaip—mulai jam 9 pagi.

Tempat pepereksaan tersebut akan di-umomkan kemudian.

Pepereksaan Trengkas adalah di-bahagikan kapada tiga tingkatan, ia-itu Tingkatan2 Permulaan, Menengah dan Tertinggi. Bagitu juga Tingkatan Pepereksaan Menaip ada-lah sama saperti Tingkatan Pepereksaan Trengkas.

Bayaran Pepereksaan Trengkas Tingkatan2 Permulaan dan Menengah ia-lah \$10 bagi tiap2 penuntut, manakala bayaran Pepereksaan Tingkatan Tertinggi ia-lah \$15 bagi tiap2 penuntut.

Bayaran Pepereksaan Menaip Tingkatan Permulaan dan Menengah ia-lah \$10 bagi tiap2 penuntut, manakala bayaran Pepereksaan Tingkatan Tertinggi ia-lah \$15 bagi tiap2 penuntut.

JAWATAN KOSONG:

PEGAWAI PENGAWAL HAJI

Pemohonan2 ada-lah di-jemput daripada kaki-tangan Kerajaan yang beragama Islam, ra'ayat D.Y.M.M. Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sedemikian, untuk memenohi satu jawatan kosong sebagai Pegawai Pengawal Haji di-Pejabat Hal Ehwal Ugama, Brunei.

KELAYAKAN2:

- Berumur di-antara 18 tahun dan 35 tahun.
- Berkelulusan Darjah IV Melayu dan Form II Inggeris.
- Berpengalaman bekerja dengan Kerajaan tidak kurang dari 3 tahun.
- Mengetahui serba sedikit pengetahuan Ugama Islam.
- Boleh menaip sekurang2-nya selaju 25 perkataan satu minit.

TUGAS2:

- Menguruskan segala kebajikan dan kemudahan2 jema'ah Haji Brunei.
- Menguruskan perjalanan jema'ah Haji termasuk persediaan passport, bank draft, suntak serta persediaan2 yang lain sebelum jema'ah haji bertolak.
- Mengusahakan segala urusan persidangan2 Jema'ah Penasehat Haji Negeri Brunei atau urusan2 lain yang berkaitan dengan-nya.

GAJI:

Dalam sukatan gaji \$380 x 20—480/EB/500 x 20—620. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

Pemohonan2 hendaklah di-hantar dengan melalui Ketua Pejabat masing2 yang di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu salinan Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-isi dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kapada Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei, tidak lewat dari 5 November, 1966.

Perlawanan Bola Sepak

DARI MUKA 6

nunggol menang dengan 3 gol berbalas 1.

(ii) Kumpulan "B": Antara Pasokan Sekolah Melayu Dato Gandhi dengan Pasokan Sekolah Melayu Pangkalan Batu bertempat di-Padang Pangkalan Batu. Keputusan-nya Pasokan Sekolah Melayu Pangkalan Batu menang dengan 1 gol tidak berbalas.

(iii) Kumpulan "B": Antara Pasokan Sekolah Melayu Pulau Berbunut dengan Pasokan Sekolah Melayu Menunggol bertempat di-Padang Pulau Baru2, Keputusan-nya Pasokan Sekolah Melayu Pulau Ber-

bunut menang dengan 3 gol tidak berbalas.

(d) PADA 13 OKTOBER, 1966: Tiga perlawanan kumpulan "A" di-jalakan serempak ia-itu:-

(i) Antara Pasokan Sekolah Melayu Lumapas dengan Pasokan Sekolah Melayu Kasat bertempat di-Padang Kilanas, Keputusan-nya pasokan Sekolah Melayu Kasat menang dengan 5 gol berbalas 1.

(ii) Antara Pasokan Sekolah Melayu Dato Gandhi dengan Pasokan Sekolah Melayu Pulau Baru2 bertempat di-Padang P. Baru2. Keputusan-nya Pasokan Sekolah Melayu Pulau Baru2 me-

ngang dengan 4 gol tidak berbalas.

(iii) Antara pasokan Sekolah Melayu Limau Manis dengan Pasokan Sekolah Melayu Pangkalan Batu, Keputusan-nya Pasokan Sekolah Melayu Pangkalan Batu menang dengan 1 gol tidak berbalas.

(e) PADA 14 OKTOBER, 1966: Perlawanan kumpulan "B" antara Pasokan Sekolah Melayu Lumapas dengan Pasokan Sekolah Melayu Pulau Berbunut bertempat di-Padang Pulau Baru2, Keputusan-nya Pasokan Sekolah Melayu Pulau Berbunut menang dengan 2 gol tidak berbalas.

Pertandingan Bintang Radio Daerah Tutong

TUTONG. — Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Md. Salleh telah merasmikan pembukaan Pertandingan Bintang Radio Daerah Tutong di-Dewan Kembarang Teratai, Sekolah Melayu Muda Hashim, Bukit Bendera, Tutong pada malam 21 Oktober, 1966.

Hadiah2 kepada penyanyi2 yang berjaya dalam pertandingan itu telah di-

sampaikan oleh Pengiran Siti Zubaidah binte Pengiran Shahbandar Anak Hashim, isteri Pengiran Othman, Pegawai Daerah Tutong sa-lepas tamat pertandingan itu.

Pertandingan tersebut telah di-hakimkan oleh Aw. Abu Bakar Ahmad, Chegu Ma'awiah, Aw. Abdul Ghani Mohed dan Aw. S. M. Yussof.

Keputusan Pertandingan

Bintang Radio Daerah Tutong yang telah di-langsungkan pada malam itu ada-lah seperti berikut:

BAHAGIAN LELAKI:
Langgam. Johan — Shamsuddin Idris. Naib Johan — A. Hamid Udin. Ketiga — Zaini Md. Daud. **ASLI.** Johan — A. Hamid Udin. Naib Johan — Shamsuddin Idris. Ketiga — Z. M. Yussof.

BAHAGIAN WANITA:
Langgam. Johan — Rokayah Idris. Naib Johan Shaerah Salleh. Ketiga — Zaleha Manan. **ASLI.** Johan — Rokayah Idris. Naib Johan — Shaerah Salleh. Ketiga — Zaleha Manan.

Penyanyi2 dari Daerah Tutong yang telah di-pileh untuk mengambil bahagian dalam Pertandingan Bintang Radio Brunei Tahun 1967 ia-lah: Bahagian Lelaki — Shamsuddin Idris dan A. Hamid Udin. Bahagian Wanita — Rokayah Idris dan Shaerah Salleh.

Pancharagam Enam Sekawan terdiri dari Idris Mohammad, Idris Isa, Sharif Ismail, A. B. Suhally, Abdullah Haji Sablee dan Sablee Hitam telah bermain di-temasha tersebut. Pertandingan itu telah disulam dengan Lawak Jenaka oleh "Raja2 Kelakar" dari Daerah2 Brunei dan Tutong serta nyanyian oleh penyanyi2 dari Daerah Tutong.

Sa-lain dari itu Radio Brunei Bahagian Melayu telah juga mempersembahkan satu acara yang diberi nama **RANCHANGAN MENEKA IRAMA DAN DUGA AKAL** di-bawah kelolaan Abdul Wahab Mohamed.

PEMBERITAHUAN TAWARAN

1. TAWARAN2 akan diterima oleh Pengurus, Lembaga Tawaran2 di-Jabatan Kewangan Negara, Brunei di-Tingkat Bawah di-Bangunan2 Pejabat2 Kerajaan Brunei, dari orang ramai sa-hingga jam 4.00 petang Hari Ithnin 14 November, 1966.

BAGI MEMBELI RUBOHAN2 (KAYU PERKAKAS) RUMAH2 YANG TELAH DI-KOSONGKAN OLEH ORANG2 PERPINDAHAN DI-KAMPONG AYER YANG TERSEBUT DI-BAWAH INI.

Bil: Nama Tuan Rumah

1. Pg Besar bin Pg. Bungso
2. Latip bin Osman
3. Kadir bin Lakim
4. Aw. Damit bin Marsal
5. Pg. Tuah bin Pg. Mohamad
6. Aw. Arshad bin Marsal
7. Aw. Kassim bin Mokti

boh atau mengambil kayu2 cari rubohan2 rumah itu. 7. TAWARAN2 MESTI-LAH DI-MASOKKAN KA-DALAM SAMPOL2 SURAT BIASA YANG BERTUTUP. Maka di-muka sampol itu tidak boleh di-buat tanda yang boleh mengenalkan siapa nama si-Penawar itu. 8. Sampol2 surat itu mestilah di-alamatkan kepada Pengurus, Lembaga Tawaran2 di-Jabatan Kewangan Negara, Brunei di-Tingkat Bawah di-Bangunan Pejabat2 Kerajaan Brunei. 9.

Alamat Kampung	Keluasan-nya lebih kurang Kaki Persegi
Peramu Sg. Kebun	1,024 " "
Saba Laut	1,097 " "
Kerma Indera Lama	618 " "
Sungai Kedayan 'A'	181½ " "
Kuala Peminyak	1,093 " "
Sungai Kedayan 'A'	945 " "
Burong Pingai Laut	950 " "

Penawar2 hendak-lah di nyatakan dengan terangnya di-atas sampol surat dengan perkata'an-nya:—

"TAWARAN MEMBELI RUBOHAN2 RUMAH ORANG PERPINDAHAN"

10. Tawaran2 yang diterima dalam sampol surat yang tidak di-alamatkan dengan betul akan di-tolak. 11. Tawaran2 hendaklah di-tulis dengan da'awat atau di-type dengan terangnya. 12. Nama dan alamat penawar hendaklah di-tulis dengan huruf besar atau di-type. 13. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sahabis rendah sekali atau sabarang tawaran.

(G. D. BECKET)

**Pegawai Perpindahan
Kampung Ayer,
Brunei.**

2. Tawaran2 yang diterima sesudah waktu yang di-tetapkan di-atas akan di-tolak. 3. Bentuk rupa rumah dan keada'an-nya boleh-lah di-lihat sendiri oleh orang yang berkehendak-kan-nya, dan penerangan2 yang lanjut boleh di-dapati dari Jabatan Perpindahan bila2 masa waktu bekerja.

4. Tawaran2 itu mesti-lah di-nyatakan dengan terangnya, ia-itu harga bagi membeli rubohan2 (kayu perkakas rumah) bekas rumah (nyatakan nama tuan rumah yang telah berpindah dan nama kampung-nya) termasuk upah meroboh-nya, dan meninggalkan kawasan itu dengan berseih. Atau harga bagi membeli rubohan2 (kayu2 perkakas rumah sahaja) tidak meroboh-nya

5. Penawar2 yang berjaya akan di-beri tahu dengan surat oleh Jabatan Perpindahan Kampung Ayer.

6. Penawar2 yang berjaya hendak-lah membayar harga-nya kepada Jabatan Perpindahan Kampung Ayer terdahulu dari mero-



Sa-rombongan empat orang wakil2 dari Persatuan2 Belia di-Negeri Brunei telah berlepas dengan kapal terbang ka-Malaya pada 22 Oktober, 1966 untuk menghadiri Kursus Pemimpin Belia di-K. Kubu Baharu, Selangor selama tiga minggu.

Dari kiri: Awang Mohammad bin Chuchu (Dari G.P.P.S. Tutong); Dayangku Aisah binte Pengiran Md. Said (Dari Persatuan BAKTI Brunei); Dayang Naemah Razali (Dari Persatuan Kebajikan Perem-

puan, Daerah Belait) dan Awang Jumat bin Abbas (Dari Persatuan Pemuda Kiulap, Brunei). Ini-lah rombongan ke-enam wakil2 dari Persatuan2 Belia di-Negeri Brunei menghadiri kursus tersebut.